

WAWASAN MALAYSIA 2057

www.zulkiflihasan.com

Harapan Baharu Pembinaan Bangsa Malaysia

Wawasan 2020 yang satu masa dahulu begitu popular di Malaysia telah diilhamkan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1990 seiring dengan Dasar Pembangunan Nasional yang dilaksanakan pada waktu itu. Ia dilihat sebagai kesinambungan daripada Dasar Ekonomi Baru yang mensasarkan pengurangan kadar kemiskinan dan memperkuatkan perpaduan kaum. Wawasan 2020 pula membawa visi berbeza dengan bermatlamatkan Malaysia sebagai sebuah Negara Maju menjelang 2020.

Setelah 27 tahun Wawasan 2020 dilaksanakan, Perdana Menteri Ke-6 Dato' Seri Najib Tun Razak pada 2017 cuba mengilhamkan wawasan yang lain menerusi idea Transformasi Nasional 2050 sebagai lanjutan dan visi baharu menggantikan Wawasan 2020. Apa yang menarik, idea Transformasi Nasional ini cuba dibawa menerusi pendekatan yang berbeza dan bersifat lebih demokratik dengan melibatkan sesi libat urus bersama masyarakat dari segenap lapisan. Namun, idea ini terkubur setelah buat pertama kalinya Barisan Nasional tewas dalam PRU14.

Tun Dr. Mahathir Mohamad setelah kembali memegang tumpuk pemerintahan sebagai Perdana Menteri Ke-7 memperkenalkan pula Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 pada 2019. Gagasan ini walaubagaimanapun terbantut dan tidak lagi menjadi aspirasi negara berikutan langkah Sheraton yang menyaksikan pertukaran tumpuk pemerintahan negara kepada Perikatan Nasional yang diketuai oleh Perdana Menteri Ke-8 Tan Sri Muhyiddin Yassin. Sekali lagi pertukaran kerajaan berlaku pada 2021 di mana Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik menjadi Perdana Menteri Ke-9. Sehingga hari ini belum ada apa-apa idea atau Wawasan Malaysia Baharu diperkenalkan kerajaan walaupun telah genap dua tahun pasca 2020.

Kini Malaysia sudah mendapat Perdana Menteri Ke-10 iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Buat pertama kali dalam sejarah Malaysia, Perdana Menteri dilantik daripada parti politik berdasarkan berbilang kaum dan bangsa. Latarbelakang DSAI dengan pengalaman dan mehnah yang dilalui sepanjang perjalanan politiknya serta kualiti kepimpinan dan intelektual yang diiktiraf antarabangsa memberikan harapan baharu kepada Malaysia. Kita dapat menyaksikan begitu ramai pemimpin dunia termasuk ulama tersohor dari seluruh dunia memberikan pengiktirafan dan mengucapkan tahniah sejurus selepas DSAI dilantik menjadi PM Ke-10. Seiring dengan Harapan Baharu ini, penulis ingin memberikan saranan agar memperkenalkan Wawasan Baharu Bangsa Malaysia sebagai menggantikan Wawasan 2020 yang dilihat gagal dicapai.

Kelemahan dan Kegagalan Wawasan 2020

Malaysia memerlukan Wawasan Baharu setelah menyaksikan bagaimana Wawasan 2020 telah luput dan dilihat gagal untuk mencapai matlamatnya secara keseluruhan. Objektif Wawasan 2020 untuk mencapai kesamarataan pendapatan individu, membasi kemiskinan dan kemunduran ekonomi melalui kerjasama tanpa menentukan identiti warga dan membentuk negara maju dengan acuan tersendiri

dari pada aspek ekonomi, sosial, politik, spiritual, psikologi dan budaya adalah masih jauh dan belum dapat dicapai sepenuhnya. Jurang ketaksamarataan dan pendapatan masih tinggi dan kemiskinan juga kembali menjadi isu utama dengan kadar B40 yang bertambah dari masa ke semasa. Keadaan perpaduan kaum masih menjadi tanda tanya di mana sikap prejedis dan kecenderungan politik berasaskan kaum itu masih kukuh dan menjadi pegangan masyarakat secara umumnya.

Begitu juga dari aspek 9 cabaran Wawasan 2020. Dengan situasi yang ada pada hari ini dan perkembangan politik yang berlaku, harapan untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu padu, membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan, memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang, mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika, mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi, membina masyarakat yang maju dan saintifik, mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang, menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya dan memupuk dan membina masyarakat Makmur adalah sangat jauh untuk dapat direalisasikan. Malahan, konsep bangsa Malaysia yang digagaskan itu juga hingga kini masih menjadi perdebatan dan pertikaian di kalangan rakyat Malaysia. Apatah lagi untuk mengimpikan masyarakat berbudaya penyayang, bermoral, beretika dan memiliki ekonomi yang adil dan saksama. Gejala rasuah dan salah guna kuasa masih terus berleluasa malahan meningkat sepermulaan yang dilaporkan pihak berkuasa.

Wawasan Malaysia 2057

Malaysia memerlukan Wawasan Baharu yang berlandaskan kepada semangat perlumbagaan dan Rukun Negara. Wawasan 2020 telah berlalu dan terlalu banyak kelemahan dan pengajaran yang boleh diambil. Penulis ingin mencadangkan penggubalan Wawasan Malaysia 2057 bagi menggantikan Wawasan 2020. Wawasan 2057 ini mengambil simbolik genapnya usia Malaysia 100 tahun pada 2057. Pada waktu itu, Malaysia bukan sahaja sudah maju tetapi kemajuan itu dinikmati secara harmoni, damai, sejahtera oleh seluruh Bangsa Malaysia.

Wawasan 2057 Pembinaan Bangsa Malaysia adalah bersesuaian dengan kerangka Negara Madani seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-10 Dato' Seri Anwar Ibrahim menerusi karyanya *the Asian Renaissance* diterbitkan pada 1996 dan *Membangun Negara Madani* terbitan 2022. Idea Kerangka Negara Madani yang menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat untuk mewujudkan keamanan, kedamaian, keharmonian dan kesejahteraan merupakan sesuatu yang sangat bersesuaian dengan dinamika kepelbagaian rakyat Malaysia. Kerangka Negara Madani mengangkat tema 'democratic accountability' yang meraikan kepelbagaian merentasi agama, bangsa, ideologi dan latarbelakang. Negara Madani menghargai setiap warganya seiring dengan prinsip *karamah insaniah* atau kemuliaan insan.

Sahifah Madinah Asas Pembinaan Bangsa Malaysia

Sahifah Madinah atau nama lainnya *Waththa'iq al-Madinah*, *Dustur al-Madinah* dan *Mitsaq al-Madinah* merupakan Perlumbagaan Bertulis pertama di dunia mendahului ratusan tahun Magna Carta, Perlumbagaan Amerika mahupun Perlumbagaan Perancis. Sahifah Madinah merupakan Siyasah Syariyyah agung Rasulullah saw

mengenai sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan di dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin pencapaian kemaslahatan kepada manusia seiring dengan kaedah *tassaruf al-imam 'ala ra'iyyah manutun bi al-maslalah* (Urusan pemerintah berkenaan rakyat hendaklah berlandaskan maslahah).

Sahifah Madinah mengandungi 47 Fasal iaitu Fasal 1-23 menyentuh hubungan antara Muhajirin dan Ansar dan Fasal 24-47 peruntukan berhubung hak dan kewajipan golongan Yahudi. Sahifah Madinah memperkenalkan konsep Ummah Ummah Aqidiyyah dan Ummah Siyasah. Ummah dari perspektif akidah di sebut jelas dalam Fasal 1. Fasal 1 memperuntukkan bahawa kaum muslim dan mukmin dari kalangan Quraisy dan Yatsrib dan serta orang yang mengikuti dan berjuang bersama, mereka adalah satu ummah. (*Innahum ummah waahidah min dun al-nas*) Sesungguhnya mereka suku Quraisy dan penduduk Madinah adalah satu umat, yang berbeza dengan kelompok manusia lain. Terma ummah ini diikat oleh akidah Islam dan eksklusif hanya pada kaum muslim.

Manakala Fasal 25 Sahifah Madinah memperkenalkan konsep ummah menurut perspektif siyasah. Fasal 25 menyebut ‘Bahawa kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin (*wa inna Yahuda Bani 'Awf ummatun ma'a I-mu'minin*). Terma Ummah Siyasah diikat dengan kemanusiaan dan politik. Ummah Siyasah ini bersifat komprehensif, kontekstual, dinamik dan organik. Dalam pasal ini, Yahudi tidak dimaksudkan dalam pengertian agama, tetapi pengertian suatu kelompok dalam sebuah negara Madinah menyerupai kontrak sosial dan politik sesama warganegara.

Konsep Ummah Siyasah ini bertepatan dengan *waqi'* dan realiti Malaysia. Masyarakat majmuk pelbagai bangsa, agama dan budaya hidup bersama dengan persefahaman sebagai warganegara menjunjung Perlembagaan dan Rukun Negara. Pembinaan Bangsa Malaysia ini tidak bertentangan dengan konsep Ummah Siyasah malahan menepati ruh Sahifah Madinah yang mengiktiraf hak dan kebajikan seluruh warganya. Sesama warga negara bukan sahaja menikmati kebebasan dan dijamin hak asasi tetapi mempunyai tanggungjawab dan peranan membina negara yang aman damai, harmoni, maju dan sejahtera. Pembinaan Bangsa Malaysia tidak sedikitpun akan mengurangkan identiti dan jatidiri orang Melayu mahupun bangsa lain malahan ia akan menerbitkan persefahaman menerusi amalan hormat-menghormati, tolong-menolong dan saling bekerjasama tanpa prejudis dan syak wasangka perkauman.

Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah merupakan prinsip-prinsip yang terkandung dalam al-Quran yang berkaitan dengan pembinaan masyarakat politik merentasi agama dan bangsa. Keragaman sosio-politik sebagai sesuatu yang memberi nilai positif dalam kehidupan. Ini selaras dengan konsep *Ummah wasat* dalam al-Quran yang digambarkan sebagai masyarakat terbuka menerima perbezaan, berkesedaran tinggi, hidup dalam masyarakat, menjunjung nilai kebebasan dan keadilan sebagaimana tergambar dalam Piagam Madinah. Allah swt berfirman dalam surah al-Baqarah: 143 “Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Kami tidak menjadikan kiblat yang (dahulu) kamu (berkiblat) kepadanya melainkan agar kamu mengetahui siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang berbalik ke belakang’.

Melangkaui Politik

Walaupun terdapat banyak analisa dan pandangan mengenai punca utama Wawasan 2020 tidak mencapai matlamatnya merangkumi aspek sosio-ekonomi, isu rasuah dan salah guna kuasa, geo-politik dan sebagainya, penulis berpandangan bahawa Wawasan 2020 yang diilhamkan itu sendiri tidak lestari sifatnya. Wawasan 2020 dijadikan agenda politik di mana ia didokong oleh pemimpin dan kerajaan yang mengilhamkannya. Maka, apabila ada perubahan kepimpinan dan perubahan kerajaan sudah pasti akan merencatkan pelaksanaannya. Kerajaan dan pimpinan baharu tidak lagi berminat dengan wawasan yang digagaskan dan mereka akan memperkenalkan gagasan baharu atas faktor politik yang pastinya sentiasa bersifat populis.

Sudah tiba masanya Malaysia mempunyai Wawasan Baharu yang bersifat lestari, tahan krisis dan kekal relevan walaupun berlakunya pertukaran kuasa politik dan tampuk pemerintahan. Wawasan Malaysia Baharu ini perlu dinyah politikkan atau dilegitimasikan oleh bukan pimpinan politik. Ia mesti diangkat menjadi agenda negara yang bersifat universal dan inklusif melangkaui politik. Wawasan Baharu Malaysia ini mendapat restu dan perkenan YDPA dan Majlis Raja-Raja dan ia diangkat oleh semua rakyat Malaysia. Walau siapa pun yang memegang tampuk pemerintahan selepas ini, Wawasan Malaysia Baharu ini akan tetap diteruskan kerana ia menjadi agenda negara sepertimana Rukunegara yang sehingga hari ini menjadi asas atau ideologi kebangsaan Malaysia. Keunikan Sistem Raja Berpelembagaan dan pendekatan mengabsahi Wawasan Malaysia Baharu menerusi Institusi Raja ini akan dapat menyumbang kepada kestabilan dan menjadi pengimbang kepada kuasa politik yang menguruskan pentadbiran negara dan seterusnya memastikan Wawasan Malaysia Baharu akan kekal relevan.

Wawasan Malaysia Baharu ini juga perlu bersifat merakyat dan inklusif bukan bersifat ekslusif. Kesedaran dan kefahaman Wawasan Malaysia Baharu ini kemudiannya perlu diterapkan dan didiskusikan oleh segenap lapisan masyarakat seawal pendidikan prasekolah sehingga pengajian tinggi. Wawasan Malaysia Baharu ini perlu dijadikan inspirasi dan hala tuju negara oleh setiap rakyat Malaysia. Wawasan Baharu ini juga sangat penting untuk mencipta naratif hubungan sesama warganegara antara kaum dan agama. Naratif orang Bukan Islam di Malaysia sebagai kafir “harbi” perlu diubah kepada pendekatan yang lebih damai dan indah menjadikan mereka sebagai *ummah al- da’wah*. *Ummah al-da’wah* ini mesti didekati dan disantuni menerusi pendekatan *ummahat al-asalib* iaitu uslub dakwah secara *al-hikmah, al-maw’izah al-hasannah* dan *al-mujadalah billati hiya ahsan*.

Episod Baharu

Seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan untuk menggariskan halatuju dan perancangan masa hadapan negara, sudah sampai masanya Malaysia memulakan episod baharu negara menerusi Wawasan 2057 Ke arah Pembinaan Bangsa Malaysia yang dinamik dan progresif. Perlu diingatkan bahawa Wawasan Malaysia Baharu perlu mengambil kira realiti, dinamika perubahan, trend dan perkembangan semasa dan masa hadapan. Wawasan 2057 ini mesti bersifat bebas tidak terikat dengan politik, universal, dinamik, progresif, inklusif dan holistik. Wawasan Malaysia Baharu juga perlu melihat aspek pembangunan dari kaca mata

yang adil dalam kerangka yang universal menerusi konsep kesejahteraan, kebahagiaan dan kemakmuran melangkaui aspek materialistik dan kebendaan semata-mata. Wawasan 2057 ke arah membina Negara Madani yang aman, damai, adil, sejahtera dan seimbang.